

Headline	Pencegahan, rawatan AIDS harus agresif		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	21 Jun 2017	Color	Full Color
Section	General News	Circulation	45,554
Page No	A11	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	166 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 584
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,751



## Pencegahan, rawatan AIDS harus agresif

KUCHING: Sasaran Malaysia sifar AIDS menjelang 2030 akan gagal dicapai jika langkah pencegahan dan rawatan intervensi tidak dilakukan secara agresif.

Presiden Majlis AIDS Malaysia Bakhtiar Talhah berkata wabak itu akan kekal menular di negara ini jika langkah pencegahan dan rawatan intervensi terus seperti ketika ini.

“Menamatkan (penularan) AIDS menjelang 2030 merupakan cita-cita tinggi kita semua. Dalam konteks Malaysia bermakna 90 peratus pengurangan jangkitan HIV baharu antara 2010 hingga 2030.

“Dalam Pelan Strategi Negara (NSP) untuk menamatkan AIDS 2016-2030, matlamat projek-projek Kementerian Kesihatan boleh dicapai jika hanya langkah pencegahan dan rawatan intervensi dipertingkatkan ke atas rakyat Malaysia selepas disahkan positif,” katanya

menerusi satu kenyataan akhbar.

Bakhtiar bagaimanapun berkata menamatkan AIDS di negara ini bukan semata-mata tanggungjawab kerajaan mahupun pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tetapi masyarakat umum juga memainkan peranan yang kritikal.

Menurutnya transmisi HIV menerusi seksual terus meningkat pada kadar membimbangkan, iaitu 78 peratus kes baharu pada 2015 berpunca daripada seksual.

Justeru ujarnya, pengetahuan yang tepat mengenai AIDS dan HIV serta status HIV seseorang amat penting.

“Krisis kesihatan seksual HIV juga meletakkan wanita sangat berisiko, memberi penekanan kepada keperluan menghapuskan jurang jantina dan sosioekonomi yang menjejaskan akses kepada pencegahan, rawatan intervensi dan penjagaan

HIV.

“Golongan muda yang paling terjejas, maknanya pendidikan seksual dan kajian semula halangan usia mendapatkan penjagaan kesihatan amat perlu,” katanya.

Sementara itu beliau berkata setakat Disember 2016, 108,519 rakyat Malaysia dilaporkan dijangkiti HIV (Human immunodeficiency virus) dan daripada jumlah itu 17,916 berakhir dengan kematian.

Bagi Sarawak pula, setakat Disember 2016, sejumlah 2,436 jangkitan HIV direkodkan dan daripada jumlah itu 542 kematian akibat AIDS (Sindrom Kurang Daya Ketahanan Melawan Penyakit).

“Walaupun jumlah jangkitan di Sarawak tidak banyak, tetapi kes baharu menunjukkan trend meningkat setiap tahun sejak lima tahun lalu, 147 kes pada 2011 kepada 258 pada 2016,” katanya.